

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian dalam memastikan pelabur antarabangsa terus melabur di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Malaysia merupakan antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif membolehkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing.

2. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama adalah berjumlah RM64.8 bilion. Sektor pembuatan adalah penyumbang terbesar kepada nilai pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM35.7 bilion, diikuti sektor perkhidmatan (RM28.6 bilion) dan sektor utama (RM471 juta). Pelaburan yang diluluskan pada tempoh ini membabitkan 1,725 projek dan akan mewujudkan lebih daripada 37,110 peluang pekerjaan untuk negara. Daripada jumlah tersebut, pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak RM19.5 bilion atau 30.1%. Sebagai tambahan, bagi tempoh Januari hingga September 2020, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan adalah sebanyak RM65.3 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua,**

3. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif di dalam memastikan pelabur asing terus melabur di Malaysia. Walaupun berdepan dengan situasi ekonomi yang mencabar disebabkan pandemik Covid-19 yang menggugat pertumbuhan ekonomi seluruh dunia, pelabur tetap yakin dengan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh MITI bagi memastikan pelabur antarabangsa terus melabur di Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan fasilitasi dalam mendapatkan kelulusan dan mempercepatkan pelaksanaan projek, antaranya:
  - a. Memproses kelulusan Lesen Pengilangan secara *fast track* melalui platform digital e-ML untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua (2) hari bekerja;

## NO SOALAN : 22

- b. Menubuhkan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk mempercepat kelulusan dari pelbagai agensi dan pelbagai peringkat bagi memastikan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia dapat disegerakan. Selain itu, permohonan untuk mendapatkan insentif cukai melalui platform digital *e-incentive* untuk syarikat berskala kecil yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 juga dilaksanakan; dan
  - c. Menubuhkan Pusat Sehenti atau *One Stop Centre* (OSC) untuk menilai dan meluluskan permohonan *Business Travellers* yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan.
- ii. Memberikan insentif baharu bagi menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI), antaranya:
- a. Pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindah (*relocate*) operasinya ke Malaysia ataupun menubuhkan operasi baharu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa; dan
  - b. *Reinvestment Allowance* (RA) tambahan sebanyak 60% untuk syarikat sedia ada. Insentif ini diberikan untuk syarikat sedia ada yang terlibat dalam aktiviti pembuatan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian dalam tahun penilaian 2020 hingga 2022, di mana RA dan Insentif RA Khas telah tamat tempohnya.
- iii. Menganjurkan seminar-seminar dalam talian dan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti dewan perniagaan, bank dan komuniti perniagaan antarabangsa contohnya *Malaysian French Chamber of Commerce and Industry* (MFCCI), *EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry* (EUROCHAM),

*China Enterprises Chamber of Commerce in Malaysia (CECCM)* dan sebagainya;

- iv. Melaksanakan E-Misi Pelaburan Khusus (*E-Specific Project Mission*) bersama pelabur berpotensi di luar dan dalam negara secara maya dengan menggunakan platform digital e-SPM; dan
- v. Menggalakkan penggantian import oleh Amerika Syarikat dengan produk Malaysia serta menggalakkan penempatan semula ke Malaysia oleh syarikat yang cuba mengurangkan kesan geseran perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau (*regional production hub*).

**Tuan Yang Di-Pertua,**

4. MITI akan terus meningkatkan usaha bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi dalam sektor pembuatan, terutamanya di subsektor pemangkin, iaitu, bahan kimia, elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan, aeroangkasa, dan alat perubatan, juga banyak peluang dalam sector pelaburan dalam hub utama, logistik, e-dagang, teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui.

Sekian, terima kasih.